**NAMA CALON**

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

**NO. KAD PENGENALAN**

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

**ANGKA GILIRAN**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

**SMK ………………………………………………..**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021**

**SET 2**

**PRINSIP PERAKAUNAN**
**3756/1**
**Kertas 1**
**Nov. 2021**
**1¼ jam** **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap satu soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.*
4. ***Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

*Kertas soalan ini mengandungi **18** halaman bercetak*

*Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan. Jawab* **semua** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *bagi tiap-tiap soalan pilih* **satu** *jawapan sahaja.*

**1.** Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?

**A** Bank
**B** Akaun Belum Bayar
**C** Pengurusan
**D** Pesaing perniagan

**2.** Encik Farid seorang peniaga telah merekodkan ambilan barang niaga yang telah digunakan oleh keluarganya sebagai ambilan.
Apakah prinsip perakaunan yang telah diamalkan oleh Encik Farid?

**A** Ketekalan
**B** Prinsip kos
**C** Entiti berasingan
**D** Usaha berterusan

**3.** Petikan akaun berikut diambil daripada perniagaan Malrose Enterprise.

**Malrose Enterprise**
**Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

| | **RM** | **RM** | | **RM** |
|---|---|---|---|---|
| Inventori awal | | 2 930 | Jualan | 27 100 |
| Belian | 12 280 | | | |
| Tambah : X | 250 | | | |
| Y | <u>430</u> | | | |
| | | <u>12 960</u> | | |
| Kos barang untuk dijual | | 15 890 | | |

Apakah **X** dan **Y**?

| | **X** | **Y** |
|---|---|---|
| **A** | Pulangan keluar | Angkutan masuk |
| **B** | Pulangan masuk | Insurans atas belian |
| **C** | Duti import | Angkutan masuk |
| **D** | Angkutan keluar | Insurans atas belian |

**4.** Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan?

| | Liabiliti (RM) | Aset (RM) | Modal (RM) |
|---|---|---|---|
| **A** | 2 000 | 8 000 | 10 000 |
| **B** | 11 000 | 6 000 | 6 000 |
| **C** | 4 000 | 12 000 | 16 000 |
| **D** | 4 000 | 16 000 | 12 000 |

**5.** Padanan manakah yang betul?

| | Catatan Kontra | Akaun Berkaitan |
|---|---|---|
| **A** | Akaun Peruntukan Hutang Ragu | Akaun Belum Terima |
| **B** | Akaun Pulangan Keluar | Akauan Jualan |
| **C** | Akaun Ambilan | Akaun Belian |
| **D** | Akaun Kenderaan | Akaun Susut Nilai Terkumpul |

**6.** Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Zain.

> Encik Zain telah menghantar e-mel kepada Pembekal Cerdik Komputer untuk membeli dua buah computer bagi tujuan kegunaan pejabat secara kredit.

Pilih aliran dokumen yang betul.

**A** Pesanan Belian → Bil Tunai → Resit
**B** Pesanan Belian → Nota Serahan → Invois
**C** Pesanan Belian → Nota Serahan → Nota Debit → Invois
**D** Pesanan Belian → Nota Kredit → Invois → Makluman Debit

**7.** Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hani.

**MEMO**
Perniagaan Hani
4, Jalan Indera Mahkota,
20860 Kuantan, Pahang.

Tarikh: 04 Julai 2020

Peringatan:
Pemilik membawa masuk sebuah rak buku bernilai RM2 000 sebagai modal tambahan perniagaan.

*Hani*
Pengurus

Cara perekodan yang tepat ialah…

| | Tarikh | Butir | Fol. | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **A** | Jul. 4 | Modal<br>Perniagaan Hani | | 2 000 | <br>2 000 |
| **B** | Jul. 4 | Perniagaan Hani<br>Modal | | 2 000 | <br>2 000 |
| **C** | Jul. 4 | Modal<br>Perabot | | 2 000 | <br>2 000 |
| **D** | Jul. 4 | Perabot<br>Modal | | 2 000 | <br>2 000 |

**8.** Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?

**I** Membeli barang niaga secara kredit
**II** Memulangkan barang niaga yang rosak
**III** Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
**IV** Membeli barang niaga secara tunai

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**9.** Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Hazami.

| **Buku Tunai** | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** | **Butir** | **Tunai** | **Bank** | **Tarikh** | **Butir** | **Tunai** | **Bank** |
| 2020 | | RM | RM | 2020 | | RM | RM |
| Jan. 1 | Baki b/b | | 1 250 | Jan.15 | Rajoo | | 890 |
| 8 | Rajoo | | 890 | | | | |

Urus niaga manakah yang menerangkan catatan pada 15 Januari 2020?

**A** Menerima cek daripada Rajoo
**B** Cek daripada Rajoo dibatalkan
**C** Jualan tunai kepada Rajoo dibankkan
**D** Pembayaran kepada Rajoo dengan cek

**10.** Antara yang berikut, bayaran manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

**I** Setem RM10
**II** Gaji kerani RM350
**III** Minuman pelanggan RM45
**IV** Komputer pejabat RM2 500

**A** I dan III
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** II dan IV

**11.** Maklumat berikut berkaitan pembahagian lejar.




Apakah **X** dan **Y**?

| | **X** | **Y** |
|---|---|---|
| **A** | Akaun Perorangan | Akaun Bukan Perorangan |
| **B** | Lejar Am | Lejar Subsidiari |
| **C** | Akaun Bukan Perorangan | Akaun Perorangan |
| **D** | Lejar Subsidiari | Lejar Am |

**12.** Petikan berikut diperoleh daripada buku perniagaan Johan Setia Enterprise.

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

| **Tarikh** | **Butir** | **RM** | **Tarikh** | **Butir** | **RM** |
|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | | | 2020 | | |
| Jan. 31 | Tunai | 5 200 | Jan.1 | Baki b/b | 2 600 |
| | Diskaun diberi | 320 | | | |
| | Baki h/b | 2 200 | | | |

Berapakah belian kredit?

**A** RM2 200
**B** RM2 600
**C** RM5 120
**D** RM7 720

**13.** Petikan imbangan duga berikut diperoleh daripada perniagaan Kedai Warna Warni.

**Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021**

| **Butir** | **Debit (RM)** | **Kredit (RM)** |
|---|---|---|
| Belian | 968 | |
| Angkutan masuk | 130 | |
| **P** | 580 | |
| **Q** | | 126 |
| Modal | | 3 180 |

Apakah **P** dan **Q**?

| | **P** | **Q** |
|---|---|---|
| **A** | Akaun Belum Bayar | Ambilan |
| **B** | Inventori awal | Inventori akhir |
| **C** | Jualan | Diskaun diberi |
| **D** | Angkutan keluar | Pulangan belian |

**14.** Berikut ialah petikan kad inventori bagi seluar panjang.

| Bil. | Tarikh | Dokumen | No. Dokumen | **Masuk** | | | **Keluar** | | | **Baki** | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Kuantiti** | **Harga** | **Amaun** | **Kuantiti** | **Harga** | **Amaun** | **Kuantiti** | **Harga** | **Amaun** |
| | | | | | RM | RM | | RM | RM | | RM | RM |
| | Jan. 1 | | | | | | | | | 80 | 20 | |
| 1 | 8 | Invois | IN2230 | 20 | | | | | | | | |
| 2 | 10 | Nota Kredit | NK123 | | | | 10 | | | | | **X** |

Berapakah **X**?

**A** RM1 200
**B** RM1 400
**C** RM1 800
**D** RM2 000

**15.** Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku Ima Enterprise.

Ima Enterprise
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

| | | |
|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | **RM** | **RM** |
| Lengkapan | | 1 950 |
| | | |
| **Aset Semasa** | | |
| Inventori akhir | 1 270 | |
| Akaun Belum Terima | 2 150 | |
| Insurans prabayar | 60 | |
| | | |
| **Liabiliti Semasa** | | |
| Bank | 140 | |
| Akaun Belum Bayar | 1 780 | |

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

**A** RM1 560
**B** RM3 510
**C** RM5 400
**D** RM7 350

**16.** Catatan penutupan Akaun Belian manakah yang betul?

**A**

**Akaun Belian**

| | **RM** | | **RM** |
|---|---|---|---|
| Inventori | 5 000 | Ambilan | 10 000 |
| Akaun Belum Bayar | 10 000 | Baki b/b | 5 000 |
| | 15 000 | | 15 000 |
| Baki b/b | 5 000 | | |

**B**

**Akaun Belian**

| | **RM** | | **RM** |
|---|---|---|---|
| Bank | 5 000 | Ambilan | 10 000 |
| Akaun Belum Bayar | 10 000 | Akaun Untung Rugi | 5 000 |
| | 15 000 | | 15 000 |

**C** **Akaun Belian**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Bank | 5 000 | Ambilan | 10 000 |
| Akaun Belum Bayar | 10 000 | Akaun Perdagangan | 5 000 |
| | 15 000 | | 15 000 |

**D** **Akaun Belian**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Inventori awal | 5 000 | Ambilan | 10 000 |
| Akaun Belum Bayar | 10 000 | Akaun Penamat | 5 000 |
| | 15 000 | | 15 000 |

**17.** Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Noor bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

| | |
|---|---|
| Insurans setahun | RM1 800 |
| Tarikh insurans bermula | 1 April 2021 |

Berapakah nilai insurans yang perlu direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

**A** Insurans belum bayar RM450
**B** Insurans prabayar RM450
**C** Insurans belum bayar RM1 350
**D** Insurans prabayar RM1 350

**18.** Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Murni.

**Perniagaan Murni**
**Imbangan Duga pada 31 Disember 2021**

| | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima | 8 000 | |
| Hutang lapuk | 200 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 240 |

**Maklumat tambahan:**

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?

**A** RM80
**B** RM84
**C** RM156
**D** RM160

**19.** Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2021**

| | **RM** |
|---|---|
| Kenderaan | 30 000 |
| (-) Susut nilai terkumpul | 3 000 |
| | 27 000 |

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021**

| | **RM** |
|---|---|
| Kenderaan | 30 000 |
| (-) Susut nilai terkumpul | **T** |
| | **?** |

Pada 31 Disember 2021, kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah nilai **T**?

**A** RM2 700
**B** RM3 000
**C** RM5 700
**D** RM6 000

**20.** Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Wira pada 31 Disember 2020

| | **RM** |
|---|---|
| Mesin (kos) (1 Jan 2019) | 30 000 |
| Susut nilai terkumpul mesin | 6 000 |

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2021. Susut Nilai adalah 10% setahun atas kos.
Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

**A** Rugi pelupusan RM1 500
**B** Untung pelupusan RM1 500
**C** Rugi pelupusan RM4 500
**D** Untung pelupusan RM4 500

**21.** Pembetulan kesilapan berikut dibuat dalam buku Perniagaan Harmoni setelah kesilapan dikesan.

**Akaun Angkutan Masuk**

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | **RM** |
| | | Angkutan keluar | 120 |

**Akaun Angkutan Keluar**

| | | | |
|---|---|---|---|
| | RM | | RM |
| Angkutan masuk | 120 | | |

Apakah kesilapan yang mungkin telah dilakukan oleh Perniagaan Harmoni?

**A** Angkutan masuk dan angkutan keluar terlebih catat RM120
**B** Angkutan masuk dan angkutan keluar terkurang catat RM120
**C** Angkutan masuk termasuk dalam angkutan keluar sebanyak RM120
**D** Angkutan keluar termasuk dalam angkutan masuk sebanyak RM120

**22.** Maklumat berikut diperoleh daripada Yellow Enterprise pada 30 Jun 2021.

Pada 30 Jun 2021, Yellow Enterprise telah membayar insurans tahunan RM3 600. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah amaun insurans bagi tahun 2021?

**A** RM300
**B** RM1 800
**C** RM2 100
**D** RM3 600

**23.** Apakah nisbah yang digunakan untuk mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan hutangnya dengan segera?

**A** Nisbah semasa
**B** Nisbah ujian asid
**C** Pulangan atas modal
**D** Peratus untung kasar atas jualan

**24.** Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Labu Sayong, Sungai Sayong. Sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

| | **RM** |
|---|---:|
| Modal awal | 33 660 |
| Modal akhir | 14 400 |
| Ambilan | 1 110 |
| Rugi bersih | 20 450 |

Berapakah nilai Modal Tambahan Kedai Labu Sayong?

**A** RM2 300
**B** RM26 500
**C** RM28 720
**D** RM38 600

**25.** Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan untung rugi bagi perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap?

**I** Kaedah garis lurus
**II** Kaedah analisis
**III** Kaedah perbandingan
**IV** Kaedah ansuran tetap

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**26.** Maklumat berikut diperoleh daripada Jaya Maju Enterprise.

| | **RM** |
|---|---|
| Baki awal Akaun Belum Terima | 20 640 |
| Baki akhir Akaun Belum Terima | 18 280 |
| Pulangan jualan | 520 |
| Jualan kredit | 42 400 |

Berapakah jumlah penerimaan daripada Akaun Belum Terima?

**A** RM43 400
**B** RM43 920
**C** RM44 240
**D** RM46 800

**27.** Apakah kegunaan penyata bank kepada peniaga?

**I** Untuk menghitung baki tunai ditangan.
**II** Untuk menentukan jumlah modal perniagaan.
**III** Untuk menyemak catatan dalam Buku Tunai.
**IV** Untuk mengetahui bayaran dan deposit dalam akaun semasa.

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**28.** Maklumat berikut berkaitan Penyata Penyesuaian Bank.

**Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2021**

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Baki kredit di Penyata Bank | | 16 750 |
| Tambah : Deposit belum dikreditkan | 1 928 | |
| Faedah atas overdraf | 1 600 | |
| Caj bank | 70 | **R** |
| | | **S** |
| Tolak : Cek belum dikemukakan | | **( T )** |
| Baki debit di Buku Tunai | | 13 848 |

Berapakah nilai **T**?

**A** RM20 348
**B** RM6 500
**C** RM3 598
**D** RM2 902

**29.** Petikan Belanjawan Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Danial.

| **Butir** | **Januari** | **Februari** | **Mac** |
|---|---|---|---|
| | **RM** | **RM** | **RM** |
| Baki b/b | 800 | ? | ? |
| Penerimaan | | | |
| Jualan | 2 600 | 2 700 | 1 900 |
| Komisen | 400 | 250 | 500 |
| | | | |
| Pembayaran | | | |
| Sewa | 800 | 300 | 400 |
| Belian | 2 500 | 1 800 | 1 200 |
| | | | |

Berapakah baki akhir bulan Mac?

**A** RM1 350
**B** RM1 950
**C** RM2 750
**D** RM2 150

**30.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Haikal Mikail.

| Butiran | Haikal (RM) | Mikail (RM) |
|---|---|---|
| Akaun Semasa (Kongsi Untung) | 1 980 | 1 320 |
| Gaji pekongsi | - | 2 500 |
| Faedah atas modal | 1 500 | 1 000 |
| Faedah atas ambilan | 80 | - |
| Ambilan | 800 | - |

Kira untung bersih?

**A** RM4 920
**B** RM5 880
**C** RM7 420
**D** RM8 220

**31.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

| | |
|---|---|
| Jumlah aset | RM45 000 |
| Jumlah liabiliti | RM8 400 |

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM42 000. Belanja realisasi RM850 manakala liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Hitung untung atau rugi realisasi.

**A** RM2 150
**B** RM3 850
**C** RM4 550
**D** RM5 400

**32.** Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara syer biasa dan syer keutamaan.

| | Syer Biasa | Syer Keutamaan |
|---|---|---|
| **I** | Kadar dividen tetap | Kadar dividen tidak tetap |
| **II** | Menerima dividen terkemudian | Menerima dividen terlebih dahulu |
| **III** | Tidak boleh mengawal syarikat | Boleh mengawal syarikat |
| **IV** | Pemegang syer berhak mengundi | Pemegang syer tidak berhak mengundi |

Perbezaan manakah yang betul?

**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV

**33.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

**Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:**
2 000 000 unit 9% Syer Keutamaan RM4 000 000
3 500 000 unit Syer Biasa RM1 750 000

Lembaga pengarah telah membayar Dividen Interim kepada pemegang syer biasa sebanyak 4% dan dividen Interim 9% kepada pemegang Syer Keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.
Pada akhir tahun kewangan, Lembaga Pengarah bersetuju mengisytiharkan 10% Dividen Akhir bagi Syer Biasa dan 9% Syer Keutamaan .

Berapakah jumlah Dividen Akhir yang akan dibayar oleh Syarikat Amirah Berhad?

**A** RM175 000
**B** RM375 000
**C** RM355 000
**D** RM535 000

**34.** Antara berikut, yang manakah merupakan pendapatan hasil bagi sebuah kelab dan persatuan?

**I** Sewa laci
**II** Kutipan sukaneka
**III** Derma khas
**IV** Jualan perabot lama

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**35.** Akaun Perdagangan Kantin Kelab Riadah Taman Star menunjukkan untung berjumlah RM2 450.

Untung tersebut akan dipindahkan ke…
**A** Akaun Yuran
**B** Akaun Untung Rugi
**C** Akaun Pendapatan dan Pembayaran
**D** Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

**36.** Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Ping Pong Terkukur.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran**
**Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

| | RM | |
|---|---|---|
| Yuran | 500 | |

**Maklumat tambahan:**

| | **1 Januari 2021** | **31 Disember 2021** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| Yuran belum terima | **40** | **80** |
| Yuran belum terperoleh | **-** | **30** |

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Perdapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?
**A** RM490
**B** RM500
**C** RM510
**D** RM570

**37.** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Ting Tong yang menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan dan perkhidmatan restoran untuk ahlinya.

Kelab Ting Tong
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

| | **RM** | | **RM** |
|---|---|---|---|
| Elektrik dan air | 800 | Yuran ahli | 18 050 |
| Gaji | 3 500 | **X** | |
| Sewa | 1 300 | | |

Apakah **X**?

**A** Lebihan
**B** Honorarium
**C** Untung restoran
**D** Hadiah dan piala

**38.** Maklumat berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran perabot oleh Merak Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

| | RM |
|---|---|
| Bahan langsung | 359 000 |
| Upah buruh langsung | 62 000 |
| Sewa kilang | 24 000 |
| Kadar bayaran kilang | 18 000 |

Berapakah jumlah kos prima?

**A** RM463 000
**B** RM421 000
**C** RM401 000
**D** RM379 000

**39.** Kos overhed sebuah kilang ialah gaji..

**A** Penyelia pejabat
**B** Pengurus kilang
**C** Operator pengeluran
**D** Pengawal keselamatan

**40.** Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran batik sutera oleh Perusahaan Maria Batik.

| | RM |
|---|---|
| Harga jualan seunit | 200 |
| Kos berubah seunit | 120 |
| Margin caruman seunit | 80 |
| Kos tetap | 12 000 |

Berapakah jumlah batik sutera yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sasaran sebanyak RM12 000?

**A** 120 unit
**B** 150 unit
**C** 200 unit
**D** 300 unit

# KERTAS SOALAN TAMAT